

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN RAMKARPAL SINGH A/L KARPAL  
SINGH [BUKIT GELUGOR]**

**TARIKH : 13 NOVEMBER 2019 (RABU)**

**SOALAN**

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sebab-sebab Ketua Polis Negara terkecuali daripada siasatan oleh IPCMC sepertimana yang telah dicadangkan dalam Rang Undang-Undang IPCMC yang telah diperkenalkan baru-baru ini.

**JAWAPAN : YB TUAN MOHAMED HANIPA MAIDIN,  
TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk pengetahuan semua Ahli Yang Berhormat, semua anggota pasukan polis tidak terkecuali daripada pemakaian atau siasatan IPCMC termasuklah Ketua Polis Negara.
2. Segala aduan salah laku yang diterima oleh IPCMC terhadap Ketua Polis Negara akan disiasat di bawah seksyen 24 sama seperti aduan lain yang diterima terhadap mana-mana anggota pasukan polis.
3. Setelah IPCMC selesai menjalankan siasatan dan sekiranya dapatan siasatan mendapati wujudnya salah laku, maka tindakan tatatertib boleh diambil terhadap Ketua Polis Negara melalui penubuhan suatu Lembaga Tatatertib Khas yang akan ditubuhkan oleh Ketua Setiausaha Negara. Sekian, terima kasih.